

Penilaian Lafaz Sorih Dan Kinayah Dalam Pengesahan Talak Tiga Sekali Lafaz Di Mahkamah Syariah

Evaluation of Lafaz Sorih and Kinayah in the Three Talak at One Sitting in the Syariah Court

Mahfuzah Abdul Shukor*, Zaini Nasohah

Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

*Corresponding author: fuzqaabdshukor@gmail.com

Article history

Received: 2017-09-14

Received in revised form: 2017-10-23

Accepted: 2017-10-24

Published online: 2018-10-31

Abstract

The dissolution of marriage through triple divorce at once is one of the matter debated among the fuqaha. This disagreement also shaping the decisions of Syariah Court in making the verification of the talak pronunciation. Therefore, this paper aims to discuss the law of dissolution of marriage through triple divorce at once according to Islamic law and to analyze the decision of the Syariah Court in assessing pronunciation sorih and kinayah in the case of triple divorce at once. This study uses document analysis methods. The findings found that Syariah judges during the trial more likely to submit three talak for sorih pronunciation like triple divorce at once compared to Syarie Judges during appeal that does not continue to submit three talak unless proven occurrence of three talak. For the kinayah pronunciation like repeated divorce at a time, Syarie judges during trial found less careful in reviewing the pronunciation compared to Syariah judges during appeal seen more careful and thorough with regard to particular aspects before making a decision. Taking to consideration the intent can help the Court make decisions more accurately and fairly.

Keywords: Divorce, Sorih, Kinayah, Court decision, Syariah Court.

Abstrak

Perceraian melalui lafaz talak tiga sekali lafaz merupakan perkara yang diperdebatkan di kalangan fuqaha. Perbezaan pendapat ini turut mencorakkan keputusan-keputusan mahkamah dalam membuat pengesahan lafaz talak berkenaan. Makalah ini bertujuan membincangkan pembubaran perkahwinan melalui talak tiga sekali lafaz menurut Hukum syarak dan menganalisa keputusan Mahkamah Syariah dalam menilai lafaz sorih dan kinayah dalam kes pengesahan talak tiga sekali lafaz. Kajian ini menggunakan kaedah analisa dokumen. Data-data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dan perbandingan. Hasil kajian mendapati bahawa Hakim syarie diperengkat perbicaraan lebih cenderung untuk mensabitkan talak tiga bagi lafaz sorih seperti talak tiga sekali lafaz berbanding Hakim syarie di peringkat rayuan yang tidak terus mensabitkan talak tiga kecuali telah terbukti berlakunya talak tiga. Bagi lafaz kinayah seperti talak yang diulang-ulang, Hakim syarie di peringkat perbicaraan didapati kurang teliti dalam menilai lafaz-lafaz tersebut berbanding Hakim syarie di peringkat rayuan yang dilihat lebih teliti dan sangat berhati-hati dengan mengambil kira aspek-aspek tertentu sebelum membuat keputusan. Mengambil kira faktor niat boleh membantu mahkamah membuat keputusan yang lebih tepat dan adil.

Kata Kunci: Perceraian, Sorih, Kinayah, Keputusan mahkamah, Mahkamah syariah.

1.0 PENDAHULUAN

Segala urusan permohonan perkahwinan dan perceraian yang dikanunkan oleh pemerintah yang berbidangkuasa mempunyai matlamat yang baik iaitu untuk menyusun hal ehwal kekeluargaan Islam secara sistematik, berkesan dan berpandukan hukum syarak (Azmee & Wan Abdul Fattah, 2013 : 1-30). Memandangkan perceraian secara talak ini hanya memerlukan suami melafazkannya, maka Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 memperuntukkan bahawa setiap permohonan perceraian hendaklah dikemukakan di Mahkamah Syariah sebagai suatu kaedah perceraian secara talak yang terbaik dari sudut hukum syarak dan undang-undang tetapi berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Maznah Haron mendapati gejala perceraian di luar mahkamah masih belum dapat diatasi dengan baik kerana banyak perceraian berlaku di rumah berbanding di Mahkamah (Zaleha, 2005: 169). Selain itu, perceraian secara talak juga boleh berlaku secara bertulis iaitu melalui surat atau dokumen serta melalui kemudahan teknologi maklumat seperti sistem pesanan ringkas (sms), e-mel, faksimile dan lain-lain (Mohd Nasran & Mohd Naim, 2004: 127-136). Namun begitu, suami yang menceraikan isterinya sama ada secara sorih (jelas) atau kinayah (tidak jelas) dengan menggunakan kemudahan teknologi yang ada tidak terlepas daripada hukum taklifi yang lima (Mohd Nasran & Mohd Naim, 2004: 127-136). Walaupun Seksyen 57 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam 2003 memperuntukkan bahawa perceraian hendaklah berlaku di dalam mahkamah, namun undang-undang sedia ada juga telah membenarkan perceraian luar mahkamah disahkan dan didaftar. Dalam zaman moden ini, sudah menjadi praktik umum, talak tanpa kebenaran mahkamah berlaku dalam keadaan seseorang itu dikuasai oleh emosinya (Abu & Fazl Ahmed, 1988: 109-110) dan hal ini banyak menimbulkan masalah terutamanya jika pihak-pihak berada dalam keadaan yang tidak rasional (Najibah, 2012: 35). Tambah merumitkan lagi jika talak itu melibatkan talak tiga sekali lafaz atau yang diulang-ulang beberapa kali. Secara umumnya Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia tidak memperuntukkan berkaitan suatu lafaz talak tiga sekaligus atau yang diulang-ulang beberapa kali sebagai perceraian talak tiga namun kebanyakannya penghakiman yang dibuat dalam kes ini adalah jatuh tiga talak (Raihanah, 2000:139-154). Peruntukan yang ada hanyalah berkaitan Seksyen 14 dan Seksyen 52 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003 yang masing-masing memperuntukkan perkara berkenaan kesan perceraian sekiranya disabitkan sebagai talak tiga secara ba'in kubrā dan undang-undang berkait dengan talak raj'i sahaja. Meskipun terdapat perbezaan pendapat di kalangan fuqaha berkaitan perkara ini, keputusan mahkamah masih berdasarkan rujukan dan panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak dan undang-undang keluarga Islam. Kebiasaannya suami yang merasa kesal dengan keterlanjurannya melafazkan talak tiga tersebut ke atas isterinya akan merayu keputusan mahkamah sekiranya lafaz talak berkenaan disabitkan (Azmee & Wan Abdul Fattah, 2013: 1-30). Rasa tidak puas hati sama ada di pihak Plantif mahupun Defenden mengenai bilangan talak yang jatuh kesan daripada lafaz talak tiga sekali lafaz yang dibuat lazimnya timbul jika pihak-pihak tidak mengetahui bagaimana sesuatu penghakiman mengenai pengesahan lafaz cerai tersebut dibuat. Mahkamah akan memulakan siasatan ke atas pihak-pihak terlibat dan perlu berhati-hati dalam membuat penghakimannya. Ini kerana perceraian yang melibatkan talak tiga akan memberikan impak yang besar kepada sesebuah perkahwinan.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian kualitatif berasaskan kualiti dan bersifat deskriptif. Dua kaedah seperti kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisaan data telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat dan data-data yang diperlukan bagi kajian ini. Bagi mendapatkan data dan maklumat,

kaedah analisa kandungan telah digunakan. Kajian analisa kandungan ini adalah pendekatan yang digunakan untuk mendapatkan sumber pengetahuan melalui sorotan dan kandungan-kandungan yang menjadi bukti terhadap sesuatu penemuan. Analisa kandungan ini telah dilakukan terhadap bahan-bahan seperti kitab-kitab fiqh, artikel, Jurnal, statut dan sebagainya. Kaedah penganalisisan data dilaksanakan menerusi dua cara iaitu kaedah penilaian sumber hukum dan kaedah penentuan hukum talak tiga di Mahkamah Syariah. Penilaian kaedah sumber hukum di analisa menggunakan kitab-kitab fiqh yang muktabar. Kaedah ini dibuat bertujuan untuk menyoroti literatur berkenaan hukum-hakam dan pandangan fuqaha berkaitan talak tiga sekali lafadz. Bagi mendapatkan gambaran yang jelas berkenaan kaedah yang digunakan oleh hakim dalam menentukan status dan bilangan talak di mahkamah, maka sebanyak 14 alasan-alasan penghakiman bagi kes-kes talak tiga sekali lafadz yang dilaporkan dan tidak dilaporkan telah dianalisa. Sebanyak 3 kes antara tahun 2005 hingga tahun 2007 diperolehi dari Syariah Law Report. Tiga (3) kes antara tahun 1981 hingga 2009 diperolehi dari Jurnal Hukum, 1 kes pada tahun 2015 yang diperolehi daripada laman web Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dan kes-kes yang tidak dilaporkan yang diperolehi dari Mahkamah Tinggi Syariah Selangor sebanyak 2 kes iaitu pada tahun 2007 dan 2009 dan 5 kes yang diperolehi dari Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat, Selangor iaitu pada tahun 2015 dan 2016.

3.0 SOROTAN LITERATUR

3.1 Talak Tiga Sekali lafadz Menurut Hukum Syarak

Jumhur ulama yang terdiri daripada empat Imam mazhab, jumhur sahabah dan tabi'in berpegang kepada jatuh talak tiga bagi talak tiga sekali gus dan talak yang diulang-ulang (Al-Bassam, 1992 : 18). Imam Shafi'yy, Malikiy dan Ibnu Hazam al-Zahiri berpendapat tidak ada isu bid'ah dalam perkara ini, Imam Hanafi dan Zaidiyyah menganggap talak sedemikian sebagai bid'ah dan Imam Hanbali di dalam satu riwayat menganggap ia sebagai bid'ah dan ia tidak dianggap bid'ah menurut riwayat kedua (Zaydan, 1993: 64). Mereka berhujah berdasarkan fatwa yang dinisbahkan kepada Ali, Uthman bin Affan, Umar al-Khattab, Ibnu Abbas, Ibnu Masud dan sebagainya menunjukkan bahawa mereka telah berfatwa dan bersetuju bahawa suami yang melafazkan talak tiga sekali lafadz kepada isterinya dikira tiga. Bahkan ada juga yang mendakwa ini adalah ijmak. Walaupun ada hadis saih yang bertentangan dengan pendapat ini namun hukumannya telah terbatal (nasakh) (Abu Zuhrah, 1957: 305). Bahkan golongan ini merasakan para sahabat tidak akan berfatwa melainkan dengan fatwa yang bersumberkan sesuatu yang datang daripada Rasulullah s.a.w. Para ulama salaf seperti al-Razi, al-Baji, Ibnu Arabiy dan Ibnu Rajab melakukan ijmak mengenai jatuhnya talak tiga sekali lafadz (Al-Zuhayliy, 1985: 412-413). Hal ini sudah cukup kepada mereka untuk menjadi ikutan.

Pendapat kedua menyatakan talak tiga sekaligus atau talak tiga yang diulang-ulang beberapa kali yang tidak dirujuk dan nikah tidak jatuh melainkan satu talak sahaja. Pendapat ini didukung oleh beberapa sahabah, tabi'in dan para tokoh mazhab. Dalam kalangan sahabat terdiri daripada Abu Musa al-Ashari, Ibnu Abbās, Ibnu Masūd, Ali, Abd al-Rahman bin Auf dan Al-Zubair bin al-Awwam. Dari kalangan tabi'in terdapat Tawus, Atha, Jabir bin Zaid, majoriti pengikut Ibnu Abbas, Abd Allah bin Musa, Muhammad bin Ishaq, Akrimah dan Hajjaj bin Artah. Dari kalangan para tokoh mazhab terdiri daripada Dawud al-Zahiri dan pengikutnya, sebahagian pengikut Abu Hanifah, sebahagian pengikut Imam Malik dan sebahagian pengikut Imam Ahmad seperti al-Majd bin Abd al-Salam bin Taimiyyah yang menfatwakan perkara ini secara sembunyi-sembunyi dan cucunya Sheikhul Islam, Ibnu Taimiyyah menfatwakan perkara ini secara terang-terangan di majlisnya dan Ibnu Qayyim membela bersungguh-sungguh pendapat ini dalam

kitabnya al-Hadyu dan Ighaatsh al-Lahafaan (Al-Bassam, 1992 : 19) dan Abi Ja'afar Muhammad bin Ali bin Husin serta anaknya Ja'afar bin Muhammad daripada golongan Shi'ah (Zaydan, 1993 : 63).

Pendapat ini ternyata berpegang kepada Surah al-Baqarah ayat 229-230 yang dengan jelas menyatakan bahawa talak itu dua kali yang terpisah satu daripada yang lain iaitu tidak dapat diucapkan dalam satu perkataan untuk menjadikan tiga kali. Kalimah “*marratan*” yang disebut oleh Allah itu adalah bahasa arab dan bahasa bagi seluruh umat manusia yang digunakan untuk sesuatu yang berlaku berulang-ulang kali, jika dihimpunkan dua atau lebih bermakna melampaui batas-batas hukum Allah (Al-Sayyid Sabiq, 2004: 641). Al-Qurtubiy menjelaskan bahawa sekiranya lafadz “Awak diceraikan dengan talak tiga” merujuk kepada ucapan bersambung, bukan terpisah, maka bagaimana ia boleh dianggap sebagai dua patah perkataan sedangkan setiap perkataan dianggap sebagai hukum? Contohnya wali berkata: “Aku nikahkan dikau dengan mereka bertiga” dalam lafadz yang sama seperti lafadz “Aku nikahkan dikau dengan ini, ini dan ini.” Begitu juga hukum dari segi ucapan. Talak tiga yang dijatuhkan sekaligus dianggap talak satu. Sesiapa yang bersumpah dengan nama Allah tiga kali, maka ia dianggap sebagai satu sumpah. Dua bentuk lafadz yang berbeza. Apabila si suami menceraikan isteri dengan talak tiga, seolah-olah isteri diceraikan banyak kali (Al-Asqalani, 2001: 275). Berdalil dengan amalan para sahabat telah dibatalkan (dinasakhkan) dengan semi ijmak mereka pada masa Abu Bakar r.a (Al-Bassam, 1992: 18). Hadis sahih riwayat Muslim dari Ibnu Abbas menjadi bukti bahawa menjadikan talak tiga sekaligus atau talak yang diulang-ulang beberapa kali dalam satu masa sebagai jatuh talak tiga adalah perkara yang tidak disepakati oleh para ulama (Al-Jaziri, 2003: 303). Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa talak tiga sekali gus tidak dihitung kecuali satu talak sahaja. Sekiranya ia bukan talak ketiga (terakhir) maka masih boleh dirujuk. Bagi golongan ini mereka merasakan adalah wajar untuk berpegang kepada apa yang diputuskan melalui nas kerana itu adalah yang paling utama berbanding *atsar* para sahabat dan fatwa para ulama salaf.

3.2 Faktor Penentuan Hukum Talak Tiga Sekali lafaz Di Mahkamah Syariah

Pada menentukan talak tiga sekali lafaz atau yang diulang-ulang boleh disabitkan atau tidak dan lafaz tersebut disabitkan tiga atau satu talak, adalah dimuktamadkan oleh Hakim Syarie. Pemakaian sumber hukum daripada mazhab muktabar dalam menentukan kesahan sesuatu lafaz talak itu menurut undang-undang keluarga Islam di bawah Seksyen 2 Undang-undang keluarga Islam Selangor 2003 adalah terbuka kepada pemakaian mana-mana mazhab yang muktabar di mana Hukum syarak merupakan sumber pensabitan hukuman atau perintah pengesahan lafaz talak. Dalam konteks Mahkamah Syariah, prosiding semasa perbicaraan berlangsung merupakan sebahagian daripada proses penyiasatan dalam kehakiman (Abdul Monir & Siti Shamsiah, 2003: 83). Justeru itu, arahan Amalan No.10. Tahun 2007 menghendaki mahkamah mengadakan siasatan ke atas pihak-pihak terlibat untuk mendapatkan fakta kes sebelum, semasa dan selepas talak tiga dilafazkan. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada talak yang dilafazkan itu memenuhi semua rukun dan syarat talak sebelum mensabitkan lafaz talak. Fakta kes sebelum, semasa dan selepas talak tiga dilafazkan akan diperolehi melalui kesaksian yang diberikan di mahkamah sama ada secara ikrar, syahadah, bayyinah, qarinah dan sebagainya. Semua fakta ini perlu disiasat, diselidiki, diteliti serta difahami secara mendalam oleh hakim yang membicarakan kes (Sheikh Ghazali, 2005: 189-213). Kebiasaannya suami yang merasa kesal dengan keterlanjurannya melafazkan talak tiga tersebut ke atas isterinya akan merayu keputusan mahkamah sekiranya lafadz talak berkenaan disabitkan (Azmee & Wan Abdul Fattah, 2013: 1-30). Secara umumnya kes rayuan pengesahan talak tiga sekali lafaz dan yang diulang-ulang bergantung pada keterangan pihak suami, penelitian terhadap fakta kes dan alasan penghakiman hakim bicara (Azmee & Wan Abdul Fattah, 2013: 1-30). Memandang demikian, sekiranya siasatan hakim

bicara tidak sempurna mengikut hukum syarak, maka banyak kes pengesahan talak tiga perlu dibicarakan semula.

Sebelum menentukan sama ada sesuatu lafaz talak boleh disabitkan atau tidak, mahkamah terlebih dahulu akan mengenal pasti bentuk lafaz talak yang diucapkan oleh suami sama ada lafaz tersebut termasuk di dalam lafaz al-sorih atau al-kinayah, sekiranya mahkamah berpendapat lafaz tersebut adalah sorih maka niat tidak diperlukan, sekiranya lafaz tersebut kinayah dan suami mengakui berniat untuk menceraikan isterinya semasa lafaz tersebut diucapkan maka mahkamah akan mensabitkan lafaz tersebut dengan tersebut. (Raihanah, 2000: 139-154). Dalam menentukan bilangan talak yang akan disabitkan, beberapa faktor yang juga turut diambil perhatian oleh mahkamah sebelum keputusan dibuat ialah sejarah hubungan antara kedua-dua belah pihak, keadaan semasa lafaz, kekesalan yang ditunjukkan oleh pihak suami dan keinginan untuk pihak-pihak tersebut kembali semula. Pihak mahkamah juga akan melihat qarinah yang ada bagi menunjukkan pihak-pihak yang terlibat ingin bersungguh-sungguh kembali semula. Dalam keadaan ini mahkamah akan mensabitkan talak tiga yang dibuat sekali lafaz di luar mahkamah itu sebagai talak satu (Raihanah, 2000: 139-154).

4.0 ANALISA KES-KES YANG DILAPORKAN DAN YANG TIDAK DILAPORKAN

Pada menentukan talak tiga sekali lafaz atau yang diulang-ulang boleh disabitkan atau tidak, Mahkamah Syariah sentiasa memandang serius dan menekankan kehendak yang telah ditetapkan oleh Hukum Syarak dan peruntukan undang-undang keluarga.

4.1 Perkara yang diberi perhatian oleh mahkamah

1. Lafaz Sorih

Merujuk kes (Rokiah bt Sali lwn Ahmad Bostamam bin Yaacob, 2010 : 121-131), (Mohd Hashim bin Mohd Noor lwn Hamsati bt Samori, 2009 : 166-177), kes (Mohd Yusri Ibrahim lwn Nur Fadhillah bt Ahmad Paudzi, 2015), kes (Nur Hamidah bt Astro lwn MdYadi bin Tarip, 2015), kes (Muhammad Qoiyum bin Abdul Halim lwn Nur Azwani binti Shamsul, 2016) dan kes (Nor Fauziah bt. Ab. Karim lwn Mohd Hafiza b. Azha, 2016) merupakan kes-kes yang mana suami mengucapkan secara lisan kepada isteri menggunakan perkataan talak tiga sekali lafaz yang berbunyi “Saya ceraikan kau dengan talak tiga”, “Dengan ini aku ceraikan Hamsati bt Samori dengan talak tiga”, “Aku ceraikan kau dengan talak tiga”, “Saya ceraikan kamu dengan talak tiga”, “Nur Azwani binti Shamsul aku ceraikan kau dengan talaq tiga” dan “Abang ceraikan awak dengan talak tiga”. Hakim bicara mensabitkan lafaz-lafaz tersebut adalah sah dan menjatuhkan talak. Mahkamah memutuskan tertalak isteri-isteri tersebut dengan talak tiga kali pertama berjumlah tiga talak secara *bain kabro* kerana lafaz-lafaz tersebut adalah sorih, jelas dan terang serta wujud perkataan cerai dan bilangan talak, talak dilafazkan secara lisan oleh suami dan cukup untuk menggambarkan serta mencerminkan niat suami untuk menceraikan isteri, lafaz berkenaan memang ditujukan kepada isteri yang sah bagi orang yang melafazkan talak tersebut dan lafaz tersebut dipersetujui oleh orang yang melafazkannya tanpa sebarang bantahan.

Begitu juga dalam kes (Rosnita binti Samsuri lwn Azeme bin Hashim, 2015), Defenden iaitu Azeme telah berbual dengan pihak ketiga iaitu rakan perempuannya dan telah menyebutkan bahawa dia telah bercerai ‘talak last’ dengan isterinya. Pihak Defenden kemudiannya memberitahu pihak Plantif iaitu Rosnita tentang lafaz ini. Namun, pihak Defenden mendakwa lafaz tersebut dibuat tanpa niat. Defenden mengakui secara keseluruhannya berhubung dengan kewujudan lafaz seperti mana yang didakwa Plantif. Hakim bicara dalam penghakimannya

menyebutkan “Tujuan Defenden membuat lafaz tersebut hanya kerana ingin bersama dengan perempuan itu kerana terpesona dengan kecantikannya menunjukkan bahawa Defenden seorang yang terlalu mudah untuk bermain-main dengan perkataan talak”.

Hakim bicara berpendapat lafaz zahir yang digunakan iaitu ‘talak last’ menunjukkan bahawa lafaz ini merupakan lafaz tanjiz yang selari dengan konsep nahu iaitu sifat-sifat Fi'lul al-Madi wa al-Mudhar'i. Meskipun pihak Defenden mendakwa lafaz dibuat tanpa niat namun hakim bicara di dalam kes ini berpegang kepada kaedah fiqh iaitu “Apabila berlawanan di antara lafaz dengan apa yang diniatkan maka didahulukan lafaz”, “Sesungguhnya apabila niat bersalahan dengan lafaz maka pengajaran yang diambil ialah bilangan (jumlah) yang lebih banyak daripada keduanya” dan “Apabila lafaz adalah sorih maka niat, tujuan dan maksud adalah sendirinya tidak perlu diambil kira”. Beliau telah merujuk pelbagai kitab antaranya kitab Al-Qawa'id al-Fiqhiyyah, Mughni al-Muhtaj, al-Majmu', Usul al-fiqh dan sebagainya. Berdasarkan ikrar Defenden, hakim bicara telah memutuskan bahawa berlaku perceraian talak tiga ke atas Plantif dan Defenden berjumlah tiga talak.

Manakala dalam kes (Haji Hanafiah lwn Rokiah, 1981: 323), Kadi besar telah memutuskan bahawa berlaku perceraian ke atas Haji Hanifah dengan talak tiga berdasarkan kepada apa yang ditulisnya. Jawatankuasa Ulang Bicara kemudiannya telah meneliti nas daripada Fath al-Mucin dan ‘Ianah al-Talibin yang dikemukakan oleh Kadi Besar. Nas-nas menyatakan:

“Jika sekiranya seseorang suami menulis lafaz talak sorih (jelas) atau talak kinayah (tidak jelas) dan ia tidak berniat melakukan talak, tulisannya itu tidak diambil kira selama mana ia tidak menyebut lafaz yang ditulisnya secara jelas pada masa ia menulis atau selepasnya. Dakwaannya, saya hanya bermaksud membaca apa yang ditulis akan tetapi tidak bermaksud melakukan talak, dakwaannya itu diterima kerana ada kemungkinan sedemikian”.

“Ringkasnya menyebut bahawa sesuatu yang ditulis tanpa niat dikira berlaku talak, sekiranya lafaz yang disebutkannya itu jelas. Jika lafaz yang disebut itu tidak jelas ia hendaklah disertai dengan niat”.

Jawatankuasa Ulang Bicara dalam penghakimannya menyebut, “Meskipun berlafaz dengan tulisan talak yang sorih, tetapi tidak berniat menjatuhkan talak, maka talak tersebut tidak jatuh kerana dia hanya membaca tulisan tersebut tanpa sebarang niat untuk bercerai”. Jawatankuasa Ulang Bicara meminta Haji Hanifah untuk bersumpah bahawa semasa menulis dan membaca surat tersebut dia tidak berniat menjatuhkan talak.” Selepas Mahkamah berpuas hati dengan keterangan dan sumpah yang diberikan, maka Mahkamah memutuskan tidak jatuh talak dan pendaftaran cerai dibatalkan.

Sementara dalam kes (Ramli bin Sulaiman v Rohani binti Ab Hamid, 2010 : 95-109), Mahkamah Tinggi Syariah Melaka telah membatalkan perintah sabitan talak tiga yang telah dijatuhkan oleh Hakim bicara dan memerintah bahawa lafaz yang diucapkan oleh perayu berbunyi ‘Aku ceraikan talak tiga’ adalah tidak menjatuhkan talak kerana dalam penghakimannya Y.A. Hakim menyebut bahawa mana-mana lafaz talak yang diucapkan oleh suami yang tidak mempunyai khitob ke atas isterinya adalah tidak jatuh walaupun ada menyebutkan talak tiga. Beliau telah merujuk kepada kaedah fiqh yang diambil daripada kitab Mausu'ah al-Qawa'id al-Fiqhiyyah karangan Al-Burnu Muhammad Sidqi bin Ahmad yang menyebutkan: “Diambil kira dari sudut lafaz yang diucapkan bukan maksud lafaz itu yang bermaksud sesungguhnya lafaz sumpah, talak, memerdekaan hamba boleh disabitkan hukumnya berdasarkan lafaz yang diucapkan tanpa merujuk kepada maksud lafaz itu apabila lafaz itu lafaz yang sorih, ini kerana hukum syarak dibina di atas lafaz zahir yang diucapkan oleh orang mukallaf bukan merujuk kepada qaṣad dan niatnya.” Nas yang lain juga diambil daripada kitab *al-Fiqh al-Shafi'iyy al-Maysir*

tulisan al-Zuhayli yang menyatakan: “Di syarat pada lafaz talak itu ialah al-khitob kepada isteri seperti kata suami: “Engkau tertalak” atau tanpa khitob seperti kata suami: “Ini isteriku tertalak”.

Berdasarkan kes ini sekalipun pada zahirnya sesuatu lafaz talak itu dilihat sebagai suatu lafaz sorih namun demikian, mahkamah perlu berhati-hati menyelidikinya dengan melihat kepada pelbagai aspek sebelum memutuskan sabitan kes pengesahan lafaz talak seperti mana yang dianjurkan hukum syarak dan undang-undang.

Kes talak tiga sekali lafaz yang dibuat secara ta’lik ialah kes (Marziana bt Marzuki lwn Mohd Afandi bin Mohd Yusoff, 2009: 145-158), Defenden telah melafazkan talak tiga dalam bentuk ta’lik yang berbunyi “Kalau kau keluar dari sini saya ceraikan awak dengan talak satu, tidak pun senang sikit tiga”. Defenden mengakui lafaz bermaksud untuk menjatuhkan talak tiga jika isterinya keluar dari bilik dalam rumah mereka. Plantif telah melanggar talak ta’lik itu kerana dia mengaku telah keluar dari bilik pada masa tersebut. Mengambil kira keadaan lafaz talak tersebut yang sorih dan iqrar Defenden berkenaan dan keadaannya sebelum, semasa dan selepas melafazkan talak terhadap Plantif, Hakim bicara telah mensabitkan lafaz tersebut dengan talak tiga.

Sementara dalam kes (Shah Rufaizal bin Mohd Ariffin lwn Suzanna binti Awang, 2009), responden telah melafazkan ta’lik kepada perayu yang berbunyi, “Sekiranya abang memancing lagi jatuh talak tiga” dan perayu telah menjawab “ya” tetapi menyatakan bahawa dia terpaksa bersetuju dan mengakui lafaz tersebut bagi mengelakkan pergaduhan. Hakim bicara telah mensabitkan berlaku perceraian talak tiga kali pertama antara perayu dan responden.

Perayu yang tidak bersetuju dengan keputusan hakim bicara dan membuat rayuan. Dalam kes ini, Y.A Hakim telah membuat keputusan berdasarkan kaedah fiqh iaitu tujuan dan matlamat adalah merujuk kepada niat orang yang melafazkan di mana mahkamah mendapati maksud tujuan memancing sebagaimana yang dikehendaki responden iaitu jika perayu pergi memancing atas kehendak sendiri dengan tujuan memancing itu tidak berlaku kerana perayu pergi ke tempat memancing tersebut bukan atas kehendak sendiri tetapi atas ajakan saksi-saksi bagi maksud mempromosi joran dan mengajar saksi cara menggunakan joran tersebut. Justeru itu, mahkamah menerima rayuan perayu dan memerintahkan tidak berlaku perceraian antara perayu dan responden.

Lafaz talak ta’lik tidak akan berlaku selagi perkara yang dikaitkan dengan talak itu masih belum berlaku. Berdasarkan kes ini, sewajarnya Hakim bicara terlebih dahulu memeriksa dan memahami secara mendalam perihal niat orang yang melafazkan talak ta’lik tersebut sebelum membuat keputusan. Ini adalah untuk memastikan sama ada telah berlaku perlenggaran syarat yang disebut dalam lafaz talak ta’lik berkenaan atau tidak.

2. Lafaz Kinayah

Dalam kes (*Mabad Ahmed Mohamed lvn Natasha binti Zolkeflee*, 2016 : 1-11), Mahkamah telah mensabitkan perceraian antara Plantif dan Defenden dengan talak tiga kali pertama berjumlah tiga talak secara *ba’in kubra* selepas berpuas hati bahawa lafaz yang diucapkan oleh Plantif yang berbunyi, “It is over between us, consider this is a full talak, complete talak” sebagai lafaz kinayah yang membawa maksud menjatuhkan talak tiga berdasarkan pengakuan Plantif bahawa ia dilafazkan dalam keadaan sedar dan tiada paksaan dibuat semasa melafazkan talak.

Merujuk kes (*Rosmina binti Masran dan Mohammad Abdullah bin Ali*, 2008 : 299-320), perayu dua telah melafazkan berbunyi “Aku cerai kau talak satu”, “Aku cerei kau talak satu”, “Aku cerei kau talak satu”. Hakim bicara telah mensabitkan lafaz tersebut dengan talak tiga kerana lafaz yang digunakan adalah lafaz sorih iaitu apabila dilafazkan berlakulah perceraian walaupun tanpa

diniatkan maka ia tidak memerlukan siasatan ke atas niat orang yang melafazkannya, diucapkan dengan sengaja dan pemohon menyebut sebanyak tiga kali tanpa ada sebarang syak padanya. Perkataan “cerei” dalam lafadz tersebut adalah dalam bahasa Melayu Sarawak yang menurut pandangan hakim bicara ini mempunyai makna yang sama dengan talak dan firaq. Hakim bicara mentafsirkan perkataan tersebut sebagai lafadz sorih kerana telah masyhur dikalangan orang Melayu dengan lafadz perpisahan tersebut yang membawa makna perpisahan di antara suami isteri iaitu perkataan “cerai” yang diikuti dengan “talak satu”.

Rayuan dibuat oleh perayu-perayu. Mereka tidak menafikan bahawa lafadz yang dibuat adalah sorih tetapi mereka tidak berpuas hati dengan keputusan hakim bicara berkenaan bilangan talak tersebut kerana Hakim bicara mengesahkan jatuh talak tiga kerana menyebut lafadz tersebut sebanyak tiga kali. Diperangkat rayuan, Y.A. Hakim telah mengesahkan bahawa lafadz talak yang dibuat oleh perayu berbunyi “Aku cerei kau talak satu”, “Aku cerei kau talak satu”, “Aku cerei kau talak satu” sebagai jatuh talak satu dan seterusnya membatalkan keputusan yang dibuat oleh hakim bicara iaitu jatuh tiga talak.

Y.A. Hakim dalam penghakimannya menyebut “Talak satu adalah sorih dan jelas tetapi apabila disebut sebanyak tiga kali maka ia akan menjadi kinayah dan lafadz kinayah memerlukan kepada penjelasan dan niat perayu.” Beliau menyatakan “jika disiasat lebih mendalam dan ia tidak berhenti (diam) lama dan jika dia bermaksud untuk menguatkan lafadz yang terdahulu maka ia boleh diterima dan dengan itu hanya jatuh satu talak. Jika dia bermaksud memperbaharui tiap-tiap lafadz maka jatuh tiga talak”.

Menurut Y.A. hakim lagi “Langkah yang dibuat oleh perayu dua semasa mengucap lafadz talak itu hendaklah lebih masanya daripada satu nafas orang yang bertenang bukan nafas orang yang sedang marah walaupun marah itu masih terkawal. Ini kerana nafas orang yang sedang marah adalah lebih pendek daripada nafas orang yang normal dan dalam menentukan hukum hakim hendaklah mengambil kira keadaan majoriti iaitu normal. Namun dalam kes ini langkah yang dibuat perayu dua tidak dijelaskan oleh hakim bicara.” Dalam kes ini Y.A. Hakim telah merujuk kepada nas dalam kitab. Al-Wasit fi al-Mazhab, Kifayah al-Akhyar, Mughnī al-Muhtaj dan Ṭanah al-Talibin. Selepas perayu dua bersumpah bahawa niatnya hanya untuk menjatuhkan satu talak sahaja dan bukan tiga talak serta lafadz kedua dan ketiga adalah untuk menguatkan lafadz pertama, Y.A. Hakim telah memutuskan bahawa hanya berlaku perceraian talak satu terhadap perayu-perayu berdasarkan alasan-alasan tersebut.

Manakala dalam kes (*Jaafar bin Saidin hvn Nazlah binti Ismail*, 2007), perayu telah menghantar mesej kepada isterinya melalui sistem pesanan ringkas (sms) sebanyak lima kali. Lafaz yang pertama melalui panggilan telefon “Kalau u tidak balik maka jatuh”. Kemudian diikuti dengan tiga kali sms dengan lafadz yang sama “Kalau u tidak balik sebelum jam 12 malam jatuh talak satu” yang masing-masing pada jam 9.39.19 malam, 9.50.23 malam dan 9.50.40 malam hari yang sama. Keesokan harinya, perayu sekali lagi menghantar sms berbunyi “Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya Jaafar bin Saidin@Soleh melafazkan cerai talak satu pada Nazlah binti Abdullah”.

Hakim bicara telah mensabitkan lafadz-lafadz tersebut dengan talak tiga. Perayu merayu kes berkenaan kerana berasa hakim bicara mengambil ringan terhadap kes ini. Y.A. dalam kesimpulannya tidak bersetuju dengan dakwaan perayu tersebut dan menyatakan kes ini dibicara dengan teratur. Memandangkan lafadz-lafadz yang dibuat oleh perayu bercampur-campur di antara lafadz kinayah melalui lisan, lafadz ta’lik yang berulang-ulang serta berlainan masa melalui sms dan lafadz sorih melalui sms yang berlainan jarak masa serta tarikhnya yang rapat, berkemungkinan berlaku kekhilafan. Ini kerana setiap lafadz, masa, waktu, perkara, patah perkataan berkemungkinan mempunyai maksud dan kesan yang sama atau sebaliknya.

Di dalam kes ini Y.A. telah mensabitkan talak satu untuk lafaz pertama secara lisan tersebut dan lafaz-lafaz melalui sms pertama, kedua dan ketiga sebagai lafaz ta'lik yang dihantar bertujuan untuk menerangkan lafaz lisan perayu yang tergantung iaitu “Kalau u tidak balik maka jatuh”. Responden mengaku tidak pulang ke rumah kelamin dan telah melanggar lafaz ta'lik talak perayu. Manakala bagi lafaz kelima melalui sms yang keempat, Y.A. telah memutuskan untuk menjatuhkan talak satu kali kedua ke atas Responden kerana ia merupakan lafaz sorih yang tiada kaitan dengan lafaz ta'lik.

5.0 KESIMPULAN

Analisis terhadap kes-kes yang telah diputuskan sebelum ini menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah berpandangan talak tiga sekali lafaz merupakan bentuk lafaz talak yang sorih dan boleh berlaku sama ada secara tanjiz ataupun ta'lik. Sementara lafaz talak yang diulang-ulang, berlafaz dengan perkataan sempurnanya dan melafazkan talak tanpa menyebut bilangannya merupakan bentuk lafaz talak secara kinayah. Majoriti Hakim Syarie diperengkat perbicaraan akan terus mensabitkan talak tiga bagi talak tiga sekali lafaz dan tidak akan mengambil kira aspek-aspek seperti maksud lafaz, suasana dan keadaan di mana lafaz tersebut diucapkan. Manakala, Hakim Syarie diperengkat rayuan tidak akan terus mensabitkan talak tiga bagi talak tiga sekali lafaz kecuali telah terbukti berlakunya talak tiga. Perkara yang menarik ialah terdapat juga penghakiman diperengkat Rayuan Syariah yang mengambil kira niat pelafaz walaupun sudah berlafaz secara lisan menggunakan lafaz sorih. Namun demikian, hal ini jarang-jarang berlaku. Manakala, bagi talak yang dilafazkan secara kinayah, Hakim Syarie diperengkat rayuan dilihat lebih teliti dan berhati-hati dalam membuat keputusan bagi lafaz talak yang diulang-ulang dengan mengambil kira maksud lafaz talak, suasana dan keadaan di mana lafaz tersebut berbanding Hakim Syarie diperengkat perbicaraan yang dilihat kurang teliti dalam menilai lafaz-lafaz tersebut.

Dicadangkan supaya mahkamah mengambil kira faktor niat kerana ia adalah penting memandangkan cara lafaz boleh berbeza-beza mengikut situasi semasa lafaz itu dibuat. Lafaz juga banyak dipengaruhi sentimen pada masa itu dan sudah tentu jika mahkamah hanya merujuk kepada sorih dan kinayah sahaja, dibimbangi ia tidak memberi keadilan kepada kedua-dua pihak kerana perceraian bukan mudah dan tidak digalakkan. Semangat itu mesti diambil kira dalam proses penghakiman

PENGHARGAAN

Ucapan penghargaan kepada Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor (JAKESS) kerana telah memberikan kebenaran untuk membuat penyelidikan terhadap fail-fail kes pengesahan talak tiga sekali lafaz di Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Selangor.

Rujukan

- Abdul Monir Yaacob & Siti Shamsiah Md Supi. (2003). *Pendakwaan dan Penyiasatan Konsep dan Amalan*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Abu al-Ala al-Maududiy & Fazl Ahmed. (1988). *Pedoman Perkahwinan Dalam Islam*. Selangor: Klang Book Centre.
- Abu Dawud Sulayman bin al-Ash'ath. (2009). *Sunan Abu Dāwud* (Vol. 3). Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.
- Abu Zuhrah, Muhammad. (1957). *Al-Abwal al-Shakhsiyah*. Dar al-Fikr al-Arabiyy.

- Al-Bassam, Abd Allah bin Abd al-Rahman. (1992). *Tawdhib al-Abkam Min Bulugh al-Maram* (Vol. 5). Arab Saudi: Dar al-Qiblah li al-Thaqafah al-Islamiyyah.
- Al-Asqalani, Ahmad bin Ali bin Hajar. (2001). *Fathu al-Bāri bi Sharh Sahih al-Bukhariy* (Vol. 9). Maktabah al-Malik al-Fahad al-Wataniah 'Ithna' al-Nashar.
- Al-Jaziri Abd al-Rahman. (2003). *Al-Fiqh Ala al-Mazhabib al-Arbi'ah*. Beirut: Dar Kitab al-Ilmiyyah.
- Al-Sayyid Sabiq. (2004). *Fiqh al-Sunnah*. Kaherah: Dar al-Hadith .
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1985). *Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* (Vol. 7). Damshik: Dar al-Fikr.
- Azmee Haji Hussin & Wan Abdul Fattah. (2013). "Pengesahan Lafaz Talaq Tiga: Sorotan Melalui Penghakiman Kes Di Mahkamah Rayuan Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur." *Jurnal Hukum* 37 16: (1), 1-30.
- Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman. (2005). "Proses Penghakiman dan Menjatuhkan Keputusan di Mahkamah Syariah: Satu Penilaian." *Jurnal Hukum*, 6(1), 189-213.
- Mohd Nasran & Mohd Naim. (2004). Pembubaran Perkahwinan Melalui Medium Elektronik Dari Sudut Fiqh Dan Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Hukum*, 17(2), 127-136.
- Muslim bin al-Hajjāj. (n.d.). *Sahih Muslim* (Vol. 2). Beirut: Dar Ihya' al-Thurāth al-cArabiyy.
- Najibah Mohd Zain. (2012). Semakan Semula Undang-undang Keluarga Islam. Dalam M. S. Siti Shamsiah, *Körper Undang-undang Islam Di Malaysia: Semakan Dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Raihanah Hj Abdullah. (2000). Talaq Tiga: Analisis Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*, 8(2), 139-154.
- Zaleha Kamaruddin. (2005). *Divorce Laws in Malaysia*. Selangor: Malaysian Law Journal Sdn. Bhd.
- Zaydan, Abd al-Karīm. (1993). *Mufassal fi Abkam al-Mar'ah fi al-Baiti al-Muslim* (Vol. 8). Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Haji Hanafiah lwn Rokiah. (1981). *Jurnal Hukum*, 2, 323.
- Ramli bin Sulaiman v Rohani binti Ab Hamid. (2010). *Jurnal Hukum*, 30(1), 95-109.
- Rosmina binti Masran dan Mohammad Abdullah bin Ali. (2008). *Jurnal Hukum*, 25(2), 299-320.
- Rokiah bt Sali lwn Ahmad Bostamam bin Yaacob. (2010). *Shariah Law Report*, 1, 121-131.
- Marziana bt Marzuki lwn Mohd Afandi bin Mohd Yusoff. (2009). *Shariah Law Report*, 3, 145-158.
- Mohd Hashim bin Mohd Noor v Hamsati bt Samori. (2009). *Shariah Law Report*, 166-177.
- Jaafar bin Saidin lwn Nazlah binti Ismail. (10500-054-0014-2007). (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam).
- Shah Rufaizal bin Mohd Ariffin lwn Suzanna binti Awang. (10500-054-0012-2009). (Mahkamah Tinggi Syariah Selangor Shah Alam).
- Mohd Yusri Ibrahim lwn Nur Fadhillah bt Ahmad Pudzi. (10005-054-2181-2015). (Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat).
- Muhammad Qoiyum bin Abdul Halim lwn Nur Azwani binti Shamsul. (10005-054-0757-2016). (Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat).
- Nor Fauziah bt. Ab. Karim lwn Mohd Hafiza b. Azha. (10005-054-0301-2016). (Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat).
- Nur Hamidah bt Astro lwn MatYadi b. Tarip. (10005-054-2183-2015). (Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat).

Rosnita binti Samsuri lwn Azeme bin Hashim. (10005-054-1545-2015). (Mahkamah Rendah Syariah Daerah Hulu Langat).

Mahad Ahmed Mohamed lwn Natasha binti Zolkeflee. (2016, April 4). *Jabatan Kehakiman Syariah Selangor.* Retrieved Febuari 24, 2017, from www.jakess.gov.my/v4/index.php/koleksi-penghakiman-1/mrs-daerah